

# Kenal pasti program tepati nilai Islam

**B**EGITU PUN, Lukmanul Hakim Hanafi mengakui adalah tidak mudah untuk melupakan keseronokan sambutan Hari Kekasih ini daripada minda golongan muda atau remaja Islam masa kini.

Kesebatian pandangan itu tidak boleh dicairkan hanya melalui usaha pendedahan mengenai peristiwa yang berlaku di sebalik nama Hari Valentine tersebut.

"Pada saya, golongan muda atau remaja masa kini lebih bersifat terbuka terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku di hadapan mereka.

"Mereka mungkin beranggapan bahawa tidak salah untuk menunjukkan perasaan kasih sayang kepada orang yang mereka sayangi pada tarikh tersebut," katanya.

Atas sebab itulah, beliau tidak melihat usaha melarang golongan muda atau remaja Islam menyambut hari kekasih sayang itu akan mencapai matlamatnya.

Beliau menegaskan, apa yang perlu dilakukan adalah mengenal pasti program kasih sayang yang menepati nilai-nilai Islam untuk diisikan sempena sambutan hari tersebut.

Lagipun tambahnya, konsep kasih sayang turut menjadi amalan yang dituntut dalam agama Islam.



**BERMANFAAT...** Meluangkan masa bersama keluarga dan rakan taulan mampu memperkukuhkan lagi kasih sayang sesama insan. - GAMBAR HIASAN

# Tiada hari khas berkasih sayang

Konsep dan nilai kasih sayang telah lama wujud dalam Islam

Oleh **HASHNAN ABDULLAH**  
agama@utusan.com.my

**H**ARI Kekasih dikatakan antara perayaan manusia yang cukup ajaib dan pelik. Perayaan itu diraikan seluruh dunia, namun sebahagian besar negara di dunia ini tidak menjadikannya sebagai cuti rasmi.

Ingatan itu dikuatkan lagi apabila ia turut diraikan oleh rangkaian media massa dan gedung membeli-belah, termasuk rangkaian jualan dalam talian.

Mereka berlumba-lumba menawarkan pelbagai jenis produk yang sesuai dijadikan hadiah bernilai. Tidak hairanlah, ia menjadi suatu perayaan yang paling diminati dan sentiasa ditunggu-tunggu untuk diraikan bersama kekasih, khususnya dalam kalangan golongan muda dan remaja.

Fenomena itu turut melanda umat Islam. Mereka turut merayakan tarikh 14 Februari setiap tahun bersama pasangan masing-masing dalam suasana yang terang-terangan melanggar batas agama.

Dalam merayakan perayaan tersebut, ungkapan

*To be my Valentine* yang dikatakan bagi menzahirkan kecintaan itu adalah jelas melanggar akidah kita sebagai umat Islam.

Satu artikel yang dipetik dalam laman web rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) iaitu menurut Ken Sweiger, perkataan "Valentine" berasal daripada bahasa Latin yang mempunyai maksud "Yang Maha Perkasa, Yang Maha Kuat dan Yang Maha Kuasa".

Menurutnya lagi, kata ini sebenarnya digunakan pada zaman Rom Kuno ditujukan kepada Nimrod dan Lupercus, tuhan orang Romawi.

Sedar atau tidak, menurut Sweiger, jika seseorang meminta orang lain atau pasangannya menjadi *To be my Valentine*, maka sesungguhnya ia telah secara terang melakukan suatu perbuatan yang bercanggah dengan akidah, sekali gus mengundang kemurkaan Allah SWT.

Apa tidaknya, ini kerana ia telah meminta orang tersebut menjadi "Sang Maha Kuasa" dan hal ini sama dengan usaha menghidupkan kembali budaya pemujaan berhala.

Walaupun sehingga kini ahli sejarah masih tidak mempunyai kata sepakat apakah peristiwa sebenar yang menjadikan perayaan berkenaan terus diingat.



**SAMBUTAN** Hari Valentine dikatakan diasaskan oleh masyarakat Rom yang beragama Kristian sebagai memperingati peristiwa seorang paderi yang dihukum. - GAMBAR HIASAN

# Memurnikan tarikh

**"R**ASULULLAH SAW bersabda yang bermaksud: *Tidak beriman salah seorang di antara kamu sehingga ia cinta kepada saudaranya seperti cintanya kepada dirinya sendiri.* (riwayat Bukhari dan Muslim)

"Kita tidak seharusnya menolak Hari Valentine itu tetapi apa yang perlu adalah memurnikan tarikh itu dengan amalan yang sejajar dengan kehendak Islam.

"Di sinilah peranan ibu bapa, ketua masyarakat dan pendakwah amat penting dalam menggerakkan usaha itu," kata Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), **Lukmanul Hakim Hanafi**.

Justeru, katanya, membahagikan pengisian program kasih sayang itu kepada dua bahagian iaitu untuk individu dan peringkat pemimpin keluarga atau masyarakat.

Bagi individu, pengisian program lebih tertumpu kepada kasih sayang kepada Allah SWT, Rasulullah SAW, ibu bapa, pasangan suami isteri, saudara-mara, tunang (kekasih), jiran dan makhluk yang lain.



Bagi peringkat pemimpin keluarga atau masyarakat pula lebih kepada penganjuran aktiviti yang membabitkan penyertaan komuniti di bawah jajaan atau seliaan mereka.

Antaranya, penganjuran Hari Keluarga peringkat taman perumahan, kampung, masjid, organisasi atau daerah.

"Contoh berkasih sayang kepada Allah SWT dengan cara memperbanyakkan amalan sunat, seperti solat Dhuha, puasa sunat, mengadakan majlis tahill, jamuan untuk jiran dan lain-lain lagi.

"Untuk Rasulullah SAW pula menghidupkan amalan sunnah baginda, marakala ibu bapa dengan melaksanakan amalan yang menunjukkan kita sayang atau hormat insaan mulia itu," katanya.

Namun tegas pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), **Lukmanul Hakim Hanafi**, terdapat dua pendapat yang mempunyai kaitan langsung dengan agama Islam.

"Kedua-duanya perlu didedahkan kepada generasi muda atau remaja Islam hari ini supaya mereka mengetahui mengapa perayaan tersebut perlu dijauhi," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), baru-baru ini.

Malah jelas Ahli Panel Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (Infad) itu lagi, tarikh Hari Kekasih itu ada kaitan dengan kejatuhan kerajaan Islam Andalusia di Sepanyol.



**LUKMANUL HAKIM HANAFI**

Pengumuman tarikh terbabit dikatakan telah dibuat oleh salah seorang yang memainkan peranan penting dalam usaha itu iaitu St. Valentine.

Dia melakukan demikian kerana menyifatkan tumbangannya kerajaan Islam sebagai berakhirnya era kezaliman dan kekejaman yang kononnya menjadi polisi pemerintahan kerajaan Islam pada masa itu.

"Ini merupakan satu peristiwa tragis untuk umat Islam. Tetapi, lebih malang kita menyambutnya dalam suasana keseronokan," katanya.

Bagi pendapat kedua pula membabitkan peristiwa yang dikatakan berlaku semasa empayar Rom diperintah oleh keturunan Romawi Kuno pada 270 Masihi.

Pemerintahan kejam dan zalim yang dilaksanakan oleh keturunan itu telah menerima tentangan daripada seorang keturunan Rom yang bernama Valentine.

Kesan penentangan itu telah menyebabkan Valentine dihukum bunuh oleh pemerintah terbabit pada 14 Februari 270 Masihi dan hukuman itu telah menimbulkan perasaan sedih yang mendalam dalam kalangan pengikut Valentine.

Oleh itu, untuk mengenang jasa dan sumbangan Valentine, pengikutnya telah menjadikan tarikh itu sebagai hari berkabung setiap tahun.

"Tetapi, pemerintah Romawi Kuno itu berjaya mempengaruhi para pengikut Valentine supaya mengubah sambutan itu daripada mengingati kepada upacara pesta atau perayaan yang bukan agama.

"Mereka mengadakan jamuan makan, berkasih sayang dan lain-lain. Tradisi itu diteruskan sehingga hari ini dan sebahagian besar golongan muda serta remaja Islam turut meraiikannya dan telah menjadi trend pada hari ini," katanya.



**HADIAH...** menghadihkan seseorang yang kita sayangi, khususnya di kalangan suami isteri, mampu mengeratkan kasih sayang. - GAMBAR HIASAN



**ERAT IKATAN...** Menggantikan sambutan Hari Kekasih dengan acara Hari Keluarga adalah lebih baik dan bermanfaat. - GAMBAR HIASAN

# Kasih sayang penting dalam kehidupan

**B**AGI pakar motivasi popular tanah air, **Dr. Tengku Asmadi Tengku Mohamad**, setiap individu Islam perlu mempunyai satu hari atau hari tertentu sebagai *wake-up call* (*mencetuskan kesedaran*) terhadap kasih sayang yang kita amalkan selama ini.

Beliau menjelaskan amalan tersebut penting untuk mengingatkan kita tentang sejauh manakah kita menghargai kasih sayang yang kita berikan, sama ada kepada Allah SWT, Nabi SAW, ibu bapa dan individu lain selama ini.

"Sekurang-kurangnya setahun sekali mesti ada *wake-up call* itu. Kita perlu menilai atau muhasabah tentang sejauh manakah tahap kasih sayang kita itu?"



**DR. TENGGU ASMADI TENGGU MOHAMAD**

Islam apabila Nabi Muhammad SAW menganjurkan supaya kita sentiasa berkasih sayang bukan hanya kepada Allah SWT, Rasulullah SAW dan ibu bapa tetapi saudara dan sesama manusia," katanya.

Selaras dengan pandangan itu, Dr. Tengku Asmadi melihat bahawa Hari Kekasih itu turut mempunyai nilai positif yang membolehkan kita memperkukuhkan lagi tahap kasih sayang kita.

Beliau berkata, satu-satunya nilai positif adalah bagaimana mereka (bukan Islam) meletakkan kedudukan aspek kasih sayang sebagai satu perkara yang penting dalam hidup mereka.

"Caranya adalah mereka mencari hari tertentu supaya ia jadi sangat istimewa dan mereka memilih tarikh Hari Valentine itu.

"Walaupun dalam Islam, kita tidak meletakkan hari-hari tertentu untuk berkasih sayang tetapi sebagai fitrah manusia, kita perlu ada hari-hari tentu untuk menjadikannya cukup istimewa," katanya.

Ini kerana, beliau percaya jika ada sesuatu perkara yang diletakkan berbeza dengan hari-hari biasa, bukan hanya kita tetapi mereka yang kita hormat itu turut merasai keistimewaanannya.

Tetapi, tegasnya lagi, meraikan hari istimewa tersebut seharusnya berlandaskan apa yang digariskan oleh ajaran atau nilai-nilai agama Islam.

"Mungkin pada hari itu, kita meraiikannya dengan membelanja makan, membelikan hadiah dan lain-lain.

"Dalam hidup ini, kalau mahu ada istimewa, ia kena ada perbezaan dengan hari-hari lain," katanya.

## TELAH LAMA WUJUD

Bukan hanya Allah SWT mengingatkan tentang kepentingan nilai-nilai kasih sayang sesama makhluk ciptaan-Nya tetapi Rasulullah SAW sendiri berulang kali menyebutnya dalam sunnah baginda.

"Maknanya, asas kasih sayang sesama insan telah lama wujud dalam